



Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah  
جامعة السلطان عبد الحميد معظّم شأنه الإسلامية العالمية  
Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah International Islamic University

**PEKELILING BENDAHARI  
BILANGAN 01/2021**

Tarikh : 4 Julai 2021  
23 Zulkaedah 1442H

Semua Ahli Jawatankuasa Pengurusan Eksekutif  
Semua Ketua Pentadbiran Kulliyah/Pusat/Bahagian  
Semua Pegawai

السلام عليكم

YBhg. Prof./Dr./Tuan/Puan,

**PENURUNAN KUASA KELULUSAN AKTIVITI/PROGRAM KEPADA AHLI  
JAWATANKUASA PENGURUSAN EKSEKUTIF (JPE) UniSHAMS**

**1. TUJUAN**

Pekeliling ini menggariskan dasar berkaitan penurunan kuasa kelulusan aktiviti/program yang diberikan kepada ahli Jawatankuasa Pengurusan Eksekutif (JPE), Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (UniSHAMS)

**2. LATARBELAKANG**

2.1. Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Eksekutif (Khas) Kali Ke-15 (09/2021) bertarikh 4 Julai 2021 telah berbincang dan bersetuju agar penurunan kuasa meluluskan aktiviti/program diberikan kepada;

- a) Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Akademik & Antarabangsa (TNCA)
- b) Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar & Alumni (TNCHEPA)
- c) Timbalan Naib Canselor Kelestarian Institusi & Jaringan Industri (TNCK)
- d) Pendaftar
- e) Bendahari

2.2. Isu semasa yang timbul adalah apabila aktiviti/program yang melibatkan perbelanjaan yang rendah juga perlu mendapatkan kelulusan mesyuarat JPE kerana tidak terdapat penurunan kuasa diberikan kepada TNCA, TNCHEPA, TNCK, Pendaftar dan Bendahari dalam meluluskan pengendalian aktiviti/program. Ini juga telah menyebabkan semua kertas cadangan perlu dibentangkan di peringkat Mesyuarat JPE dan berlakunya kelewatan dalam proses pelaksanaan aktiviti/program.

### 3. DASAR PELAKSANAAN PENURUNAN KUASA

3.1. Naib Canselor memberikan penurunan kuasa meluluskan aktiviti/program melibatkan anggaran perbelanjaan seperti yang berikut:

<b>ANGGARAN PERBELANJAAN</b>	<b>KELULUSAN</b>
Perbelanjaan aktiviti/program yang dibajetkan dalam tahun kewangan semasa melibatkan jumlah sehingga RM2,000.00	TNCA/TNCHEPA/TNCK/Pendaftar/Bendahari
Perbelanjaan aktiviti/program yang dibajetkan dalam tahun kewangan semasa melibatkan jumlah melebihi RM2,000.00	Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Eksekutif (JPE) ATAU Naib Canselor

3.2. Penurunan kuasa meluluskan aktiviti/program ini digunakan untuk aktiviti/program seperti yang berikut:

- a) Aktiviti/Program Latihan Pendek
- b) Aktiviti/Program Bengkel Pendek
- c) Aktiviti/Program Lawatan
- d) Aktiviti/Program Jabatan
- e) Aktiviti/Program Pelajar
- f) Aktiviti/Program Kebajikan Pelajar
- g) Aktiviti/Program Sukan Pelajar
- h) Aktiviti/Program Hebahan dan Komunikasi

3.3. Penurunan kuasa meluluskan aktiviti/program ini adalah tertakluk kepada kemampuan Aliran Tunai dan kedudukan kewangan semasa UniSHAMS.

3.4. Penurunan kuasa meluluskan aktiviti/program ini adalah tertakluk kepada pematuhan Peraturan Kewangan & Akaun dan Pekeliling UniSHAMS yang berkuatkuasa.

3.5. Amalan Pecah Kecil Pembelian adalah dilarang sama sekali.

3.6. Penurunan kuasa meluluskan aktiviti/program yang melibatkan pihak luar hendaklah mematuhi etika, peraturan yang dikuatkuasakan di UniSHAMS.

3.7. Naib Canselor berhak menangguhkan dan/atau menggantung pelaksanaan penurunan kuasa meluluskan aktiviti/program ini pada bila-bila masa.

#### **4. TARIKH KUATKUASA**

Pekeliling ini berkuatkuasa serta merta pada 4 Julai 2021 dan hendaklah dipatuhi serta dibaca bersekali dengan Peraturan Kewangan dan Akaun Universiti.

Sekian, terima kasih.

والسلام

**"MELESTARIKAN ILMU MELALUI KEBIJAKSANAAN"  
"KEDAH SEJAHTERA - NIKMAT UNTUK SEMUA"**

Saya yang menjalankan amanah,



**(PUAN HAJJAH MOLYNA BINTI MOHD ANUAR)**

Bendahari

Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (UniSHAMS)

s.k. - Naib Canselor

- Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Akademik & Antarabangsa

- Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar & Alumni

- Timbalan Naib Canselor Kelestarian Institusi & Jaringan Industri

- Pendaftar